

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
JOSEPH PAIRIN KITINGAN  
[KENINGAU]**

**TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan walaupun percubaan pencerobohan kedua telah berjaya dibanteras oleh pihak pasukan keselamatan sama ada pencerobohan-pencerobohan di masa akan datang boleh dibanteras dengan tindakan balas yang lebih cepat lagi supaya rakyat lebih yakin terhadap penubuhan 'ESSCOM dan ESSZONE' di negeri Sabah disebabkan tuntutan ke atas negeri Sabah oleh pihak-pihak tertentu masih belum digugurkan.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Setelah hampir setahun penubuhan ESSCOM, tidak ada sebarang pencerobohan yang berlaku selepas kejadian pencerobohan pertama yang berlaku di Lahad Datu pada Februari 2013. Di sebalik pelbagai khabar angin yang disebarkan akan berlakunya pencerobohan kali kedua namun perkara ini tidak berlaku disebabkan oleh peningkatan kawalan keselamatan khususnya kawasan perairan yang telah dipergiatkan dengan kerjasama dan komitmen semua agensi keselamatan dan pertahanan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat dua kes penculikan berlaku. Satu pada tahun 2013 di Pulau Pom-Pom dan satu kes penculikan yang berlaku baru-baru ini di Singamata. Ini adalah disebabkan oleh kumpulan-kumpulan penjenayah kecil yang menggunakan modus operandi "tunggu dan masuk" iaitu kaedah menyusup masuk setelah mengenalpasti terdapat ruang kosong keselamatan.

Namun, pendekatan baru telah diambil di mana kesemua 11 buah pulau yang mempunyai Pusat peranginan telah ditempatkan pos-pos kawalan termasuk di Singamata pada dua hari lepas.

Justeru itu, ESSCOM dengan kerjasama semua agensi keselamatan dan pertahanan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk membanteras jenayah rentas sempadan berdasarkan strategi seperti berikut:

- i) Menyelaraskan kawasan rondaan melibatkan pelbagai agensi supaya tidak berlaku sebarang pertindihan dan tumpuan di satu-satu tempat. Ini termasuk memperhebatkan rondaan khususnya di kawasan yang sentiasa menjadi tumpuan jenayah rentas sempadan;
- ii) Meningkatkan jumlah dan bilangan aset khususnya di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan jenayah rentas sempadan. Penambahan aset dan sumber manusia serta koordinasi yang baik di antara kesemua agensi-agensi ini dengan ESSCOM akan dapat mempertingkatkan kawalan serta pencegahan pencerobohan dan juga rompakan di sepanjang kawasan ini;
- iii) Meningkatkan kawalan keselamatan melalui koordinasi dan kolaborasi antara agensi keselamatan, penguatkuasaan dan keselamatan;
- iv) Pembentukan "*Quick Response Force* – QRF" dari perkhidmatan PDRM, ATM dan APMM telah ditempatkan di beberapa lokasi strategik yang seringkali digunakan sebagai laluan masuk oleh mereka yang terlibat dengan jenayah rentas sempadan. QRF ini dibekalkan dengan bot laju untuk memintas penjenayah di laut dan di pulau-pulau di dalam ESSZONE.

- v) Agensi-agensi keselamatan juga akan mempertingkatkan bilangan anggota yang akan ditempatkan di kesemua pos-pos kawalan yang terletak di sepanjang perairan Pantai Timur Sabah. Di samping itu, pos-pos kawalan yang telah sedia ada di daratan atau pun di pulau-pulau akan diperkukuhkan. Pada masa ini terdapat 3 batalion PGA, 4 batalion ATM di kawasan ESSZONE.
- vi) Mendapatkan kerjasama dari orang ramai khususnya masyarakat setempat supaya sentiasa memberi kerjasama kepada anggota keselamatan khususnya di dalam penyaluran maklumat di dalam isu-isu melibatkan jenayah rentas sempadan.
- vii) Meningkatkan hubungan dua hala melibatkan agensi perisikan dan keselamatan negara jiran.

Kesemua inisiatif di atas di harap akan dapat menyumbang terhadap kejayaan untuk menyekat sebarang ancaman luar. Dalam pada itu, ESSCOM juga telah meningkatkan kerjasama dengan kesemua agensi keselamatan, penguatkuasaan dan pertahanan seperti PDRM, ATM dan APMM bagi membendung kemasukan anasir luar ke kawasan Pantai Timur Sabah.

Sekian. Terima kasih.